

## BAB 3

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

### **121 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **121 PERKEMBANGAN MONETARI**

---

### **122 PRESTASI RINGGIT**

---

### **124 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN**

---

### **127 PRESTASI PASARAN MODAL**

Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

---

### **133 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM**

---

### **135 KESIMPULAN**

---

### **136 RUJUKAN**

---

## BAB 3

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## Perspektif Keseluruhan

### *Pasaran kewangan kekal teguh dalam menghadapi tekanan luar*

Pasaran kewangan domestik kekal teratur dan aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong pemulihan ekonomi meskipun menghadapi tekanan luar. Sektor perbankan kekal berhemat disokong oleh mudah tunai yang mencukupi dan penanaman modal yang kukuh. Di samping itu, dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran kestabilan harga. Walaupun pasaran kewangan domestik berhadapan dengan keadaan volatiliti yang berterusan, kesan limpahan ke atas aktiviti pengantaraan kewangan kekal terkawal, disokong oleh kedudukan luar Malaysia yang stabil dan sistem perbankan yang kukuh. Namun demikian, risiko pertumbuhan perlahan yang berterusan boleh menjejaskan prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Risiko tersebut termasuk ketegangan geopolitik yang berterusan terutamanya konflik Rusia-Ukraine, jangkakan pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab, pertumbuhan yang perlahan di China, gangguan berterusan rantaian bekalan dan keadaan kewangan global yang semakin ketat.

## Perkembangan Monetari

### *Dasar monetari diselaraskan sejajar dengan kekuatan ekonomi*

Tahap akomodasi dasar monetari telah dikurangkan selaras dengan prospek pertumbuhan domestik yang kukuh dan sokongan dasar monetari yang diperlukan semasa krisis COVID-19 semakin reda. Perkara

ini dicerminkan oleh peningkatan Kadar Dasar Semalaman (OPR) secara kumulatif sebanyak 75 mata asas (bps) tiga kali berturut-turut dari Mei hingga September 2022. Kadar OPR telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas buat kali pertama pada 11 Mei 2022 daripada paras terendah yang direkodkan dalam sejarah iaitu 1.75% sejak 7 Julai 2020 kepada 2.00% diikuti dengan kenaikan kedua kepada 2.25% pada 6 Julai 2022 dan kenaikan ketiga kepada 2.50% pada 8 September 2022. Keputusan melibatkan pelarasan OPR dibuat secara bebas oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mengambil kira ekonomi Malaysia berada pada landasan yang lebih kukuh. Peningkatan OPR dilaksanakan secara beransur-ansur bagi membolehkan pelbagai sektor dalam ekonomi membuat penyesuaian yang sewajarnya. Sungguhpun OPR telah diselaraskan, pendirian dasar monetari pada 2022 kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

Kadar faedah dalam sistem perbankan kekal stabil pada empat bulan pertama 2022 sebelum diselaraskan seiring dengan peningkatan OPR. Pada akhir Julai 2022, kadar pinjaman purata (ALR) dan purata wajaran kadar asas (BR) bagi bank komersial meningkat kepada 4.31% dan 2.91%. Kadar faedah simpanan turut meningkat kepada 0.69% manakala kadar purata simpanan tetap bagi tempoh satu bulan hingga 12 bulan meningkat antara 1.91% hingga 2.20%. Selaras dengan objektif untuk meningkatkan kebolehdagangan dan ketelusan kepada pengguna, BR telah digantikan dengan Kadar Asas Standard (SBR) berkuat kuasa 1 Ogos 2022 sebagai kadar rujukan untuk semua institusi kewangan dalam penetapan pinjaman runcit berkadar terapung dan pembiayaan semula pinjaman sedia ada.

Dari aspek kecairan, pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas kepada 2.00% sejak Mac 2020 dan fleksibiliti yang diberikan kepada institusi perbankan untuk menggunakan pemegangannya mereka terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi mematuhi SRR telah menyuntik sekitar RM46 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan. Fleksibiliti yang diberikan bagi menggunakan MGS dan MGII sebagai pematuhan SRR akan berakhir pada 31 Disember 2022 sejajar dengan pemulihan ekonomi semasa dan peralihan kepada fasa endemik.


Agregat monetari terus berkembang bagi tempoh tujuh bulan pertama 2022. Pada akhir Julai 2022, M1 atau bekalan wang secara kecil meningkat sebanyak 9.3% kepada RM602.2 bilion terutamanya didorong oleh permintaan deposit yang meningkat sebanyak 8.9%. Sementara itu, M3 atau bekalan wang secara luas mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% kepada RM2,222.1 bilion disokong oleh tuntutan ke atas sektor swasta yang meningkat terutamanya melalui pinjaman dan peningkatan tuntutan bersih ke atas Kerajaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan M3 menyederhana berikutan aset asing bersih yang lebih rendah dalam sektor kewangan.

**JADUAL 3.1.** Faktor Penentu M3, Januari – Julai 2021 dan 2022

	PERUBAHAN (RM BILION)	
	2021	2022
<b>M3</b>	<b>65.4</b>	<b>50.3</b>
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	9.5	29.3
Tuntutan terhadap Kerajaan	31.2	37.5
Tolak: Deposit Kerajaan	21.7	8.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.1	64.6
Pinjaman	28.8	73.8
Sekuriti	1.2	-9.2
Aset asing bersih <sup>1</sup>	35.9	-23.4
Bank Negara Malaysia	29.3	-6.2
Sistem perbankan	6.7	-17.2
Pengaruh lain	-10.1	-20.1

<sup>1</sup> Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran  
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

**RAJAH 3.1.** Agregat Monetari (% perubahan)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2022  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendirian dasar monetari akan berpandukan penilaian MPC terhadap persekitaran yang berubah dan implikasinya kepada prospek keseluruhan ke atas inflasi dan pertumbuhan ekonomi domestik. MPC akan terus melaksanakan dasar monetari di Malaysia bagi mencapai matlamat kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang.

## Prestasi Ringgit

*Ringgit terkesan dengan nilai dolar yang lebih kukuh*

Nilai ringgit didagangkan pada paras 4.1000 berbanding dolar AS pada awal 2022. Pada suku pertama 2022, sentimen dalam pasaran kewangan telah terjejas berikutan peningkatan kes varian Omicron di seluruh dunia dan prospek kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS (Fed) yang lebih pantas daripada jangkaan. Volatiliti kebanyakan mata wang utama dan serantau termasuk ringgit

semakin ketara dan diburukkan lagi dengan konflik Rusia-Ukraine yang tercetus pada Februari 2022. Keadaan ini mengakibatkan ringgit didagangkan melepasi paras 4.2000. Selain itu, kenaikan kadar faedah oleh Fed pada 16 Mac 2022 buat kali pertama sejak 2018 menggambarkan tindakan pelarasan yang lebih pantas daripada jangkaan bagi mengawal kenaikan inflasi di AS. Pelaksanaan langkah sekatan pergerakan yang ketat di Shanghai berikutan penularan wabak COVID-19 pada bulan yang sama telah menjejaskan jangkaan pemulihan ekonomi global yang lancar. Situasi ini telah meningkatkan sentimen penghindaran risiko dalam kalangan pelabur seterusnya menyebabkan pengurus portfolio global mengagihkan semula pelaburan mereka ke dalam aset selamat di AS. Faktor tersebut telah menyumbang kepada penurunan nilai ringgit sebanyak 0.7% berbanding dolar AS pada akhir Mac 2022.

Tekanan untuk melaraskan kadar dasar monetari dengan lebih pantas oleh Fed telah tercetus berikutan kadar inflasi tertinggi dicatat dalam tempoh 40 tahun di AS pada Mei 2022. Situasi ini telah menyebabkan ringgit terus merosot ke paras 4.4000 pada 19 Mei 2022. Di samping itu, jangkaan kenaikan kadar faedah AS yang lebih agresif serta kelemahan mata wang yuan China turut memberi kesan terhadap nilai ringgit. Sehubungan itu, nilai ringgit menyusut sebanyak 5.2% berbanding dolar AS pada separuh pertama 2022.

Trend penurunan yang berterusan direkodkan pada Julai dan Ogos 2022 menyaksikan nilai ringgit didagangkan antara paras 4.4000 hingga 4.5000. Penurunan ini juga sejajar dengan penyusutan nilai mata wang utama dan serantau lain yang mencerminkan pengukuhan dolar AS secara meluas. Pengukuhan ini disumbangkan oleh pelbagai faktor seperti kenaikan kadar faedah yang agresif oleh Fed, ketegangan geopolitik yang meningkat serta kadar pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan

terutamanya di China telah meningkatkan sentimen penghindaran risiko oleh pelabur antarabangsa. Faktor tersebut telah menyebabkan nilai ringgit merosot sebanyak 6.9% berbanding dolar AS pada akhir Ogos 2022. Walau bagaimanapun, nilai ringgit meningkat berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau seperti yen Jepun (12.1%), paun sterling (7.4%), won Korea (5.5%), euro (5.4%) dan peso Filipina (2.8%) dalam tempoh yang sama.

**RAJAH 3.2.** Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Melangkah ke hadapan, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel akan terus memainkan peranan yang penting bagi membantu ekonomi domestik membuat penyesuaian terhadap perubahan yang melibatkan ekonomi dan kewangan global. Dalam jangka masa sederhana, usaha berterusan yang dilaksanakan terhadap pembaharuan struktur akan mengukuhkan asas ekonomi Malaysia dan seterusnya menyokong nilai ringgit.

## Prestasi Sektor Perbankan

### Sektor perbankan kekal pada landasan yang kukuh


Sistem perbankan mempunyai permodalan yang mencukupi bagi menyokong pemulihan ekonomi meskipun berhadapan dengan volatiliti yang meningkat dalam pasaran kewangan global. Perkara ini ditunjukkan melalui kedudukan modal bank yang kukuh dengan lebih penampungan modal<sup>1</sup> sebanyak RM129.6 bilion dan nisbah modal yang baik pada akhir Julai 2022. Nisbah Modal Ekuiti Biasa kumpulan 1 (CET1), Nisbah Modal kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal kekal stabil pada 14.6%, 15.2% dan 18.3% iaitu melebihi paras minimum pengawalseliaan Basel III iaitu 4.5%, 6% dan 8% daripada aset berjawaran risiko. Penampungan ini melindungi bank daripada potensi kerugian tidak dijangka dalam persekitaran operasi yang mencabar serta menyokong keperluan pembiayaan isi rumah dan perniagaan. Di samping itu, Nisbah Perlindungan Mudah Tunai kekal kukuh pada 151% untuk menyokong aktiviti pengantaraan iaitu jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum 100%.

Keupayaan bank dalam mendepani cabaran daripada potensi risiko pinjaman terjejas kekal terkawal meskipun sebahagian besar bantuan pembayaran balik telah berakhir pada Disember 2021. Kualiti aset bank terus menyokong daya tahan bank walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam keseluruhan nisbah pinjaman terjejas kasar kepada 1.85% dan nisbah pinjaman terjejas bersih kepada 1.2% pada akhir Julai 2022. Bank terus menyediakan peruntukan termasuk rizab pengawalseliaan sebanyak RM41.1 bilion. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) juga kekal pada paras berhemat sebanyak 112.8% dengan jumlah peruntukan merangkumi 1.8% daripada jumlah pinjaman dalam tempoh yang sama.

Keuntungan sebelum cukai bagi sistem perbankan bertambah baik kepada RM20.9 bilion pada akhir Jun 2022. Prestasi ini

disokong oleh penyederhanaan dalam kos kredit berikutan pengumpulan peruntukan secara *pre-emptive* pada 2020 dan 2021 serta pengurangan peruntukan kerugian pinjaman secara beransur-ansur apabila aktiviti pembayaran balik pinjaman kembali rancak. Keuntungan keseluruhan bank dijangka kekal teguh disokong oleh peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman apabila negara kembali pulih daripada kesan berpanjangan pandemik COVID-19.

**RAJAH 3.3.** Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2022  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada akhir Julai 2022, jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan berkembang sebanyak 5.9% kepada RM1,974 bilion disumbangkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam segmen perniagaan dan isi rumah. Sementara itu, permintaan untuk pinjaman kekal tinggi dengan permohonan pinjaman meningkat sebanyak 20.1% kepada RM775.3 bilion didorong oleh aktiviti ekonomi yang kembali normal. Kelulusan pinjaman turut meningkat sejajar dengan peningkatan permohonan pinjaman sebanyak 27.8% kepada RM382 bilion bagi tujuh bulan pertama 2022.

<sup>1</sup> Lebihan jumlah penampungan modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi peraturan minimum yang ditetapkan oleh bank termasuk keperluan penampungan pemeliharaan modal (2.5% daripada aset wajaran risiko) dan keperluan minimum lebih tinggi yang ditetapkan oleh bank tertentu.

Aktiviti pemberian pinjaman kepada perniagaan menunjukkan peningkatan. Prestasi ini digambarkan oleh pinjaman perniagaan terkumpul yang berkembang sebanyak 5.9% kepada RM696.5 bilion iaitu merangkumi 35.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Julai 2022. Sebahagian besar daripada pinjaman adalah bagi membiayai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan jumlah

**JADUAL 3.2.** Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman, Januari - Julai 2021 dan 2022

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2021	2022 <sup>1</sup>	2021	2022
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>				
Permohonan pinjaman	523.0	775.3	16.8	20.1
Kelulusan pinjaman	215.4	382.0	16.1	27.8
Pengeluaran pinjaman	803.4	1,319.5	22.3	15.5
Pembayaran balik pinjaman	807.9	1,322.1	23.5	14.1
Pinjaman terkumpul <sup>3,4</sup>	1,862.8	1,974.0	3.1	5.9
<i>antaranya:</i>				
<b>Perniagaan</b>				
Permohonan pinjaman	180.2	291.4	-10.3	14.6
Kelulusan pinjaman	78.3	158.6	-3.1	17.6
Pengeluaran pinjaman	524.2	933.8	21.6	10.9
Pembayaran balik pinjaman	523.5	944.5	20.9	11.6
Pinjaman terkumpul <sup>4</sup>	642.2	696.5	1.3	5.9
<i>antaranya:</i>				
<b>PKS</b>				
Permohonan pinjaman	99.2	162.3	-9.6	21.8
Kelulusan pinjaman	37.8	82.7	10.4	21.7
Pengeluaran pinjaman	170.9	310.9	24.7	27.8
Pembayaran balik pinjaman	172.0	306.3	28.1	25.4
Pinjaman terkumpul <sup>4</sup>	292.4	350.5	3.8	4.9
<b>Isi rumah</b>				
Permohonan pinjaman	380.7	461.9	32.4	21.3
Kelulusan pinjaman	126.9	204.0	41.6	31.3
Pengeluaran pinjaman	184.7	236.9	10.5	23.4
Pembayaran balik pinjaman	194.0	229.6	17.1	11.8
Pinjaman terkumpul <sup>4</sup>	1,094.9	1,162.9	4.2	6.1

<sup>1</sup> Jadual statistik berkaitan pinjaman/pembiayaan telah disemak dan diperluas dengan format baharu mulai Julai 2022

<sup>2</sup> Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

<sup>3</sup> Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

<sup>4</sup> Pada akhir tempoh

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

**JADUAL 3.3.** Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2021 dan 2022

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022 <sup>1</sup>	2021	2022
<b>Perniagaan</b>	<b>642.2</b>	<b>696.5</b>	<b>34.5</b>	<b>35.3</b>
Bukan PKS <sup>2</sup>	349.7	344.3	18.8	17.4
PKS	292.4	350.5	15.7	17.8
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	32.7	30.8	1.8	1.6
Perlombongan dan kuari	8.9	10.3	0.5	0.5
Pembuatan <sup>3</sup>	129.0	130.4	6.9	6.6
Bekalan elektrik, gas dan air	14.5	20.5	0.8	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	142.9	164.8	7.7	8.3
Pembinaan	91.0	91.2	4.9	4.6
Harta tanah	108.6	105.5	5.8	5.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	38.4	51.1	2.1	2.6
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	50.1	64.3	2.7	3.3
<b>Isi rumah</b>	<b>1,094.9</b>	<b>1,162.9</b>	<b>58.8</b>	<b>58.9</b>
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	640.7	705.8	34.4	35.8
Pembelian harta tanah bukan kediaman	79.1	80.3	4.2	4.1
Pembelian kereta penumpang	151.8	161.9	8.1	8.2
Kredit penggunaan	131.4	141.7	7.1	7.2
<i>antaranya:</i>				
Kad kredit	31.4	35.0	1.7	1.8
Kegunaan persendirian	100.0	106.7	5.4	5.4
Pembelian sekuriti	68.8	72.1	3.7	3.7
Lain-lain	0.4	1.1	0.0	0.1
<b>Sektor lain</b>	<b>125.7</b>	<b>0.1</b>	<b>6.7</b>	<b>0.0</b>
<b>Jumlah<sup>4</sup></b>	<b>1,862.8</b>	<b>1,974.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Jadual statistik berkaitan pinjaman/pembiayaan telah disemak dan diperluas dengan format baharu mulai Julai 2022

<sup>2</sup> Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

<sup>3</sup> Termasuk asas tandi

<sup>4</sup> Jumlah = Perniagaan + Isi Rumah + Sektor lain

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

RM350.5 bilion atau 17.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul khususnya untuk modal kerja. Secara keseluruhan, sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan (21.8%) diikuti oleh perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (17.7%) serta kewangan, insurans dan perniagaan (12.6%).

Sementara itu, prestasi pinjaman isi rumah kekal kukuh dengan pinjaman terkumpul bagi segmen ini mencatat pertumbuhan sebanyak 6.1% kepada RM1,162.9 bilion pada akhir Julai 2022 yang mencerminkan pertumbuhan lebih tinggi meliputi pelbagai tujuan. Pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 23.4% kepada RM236.9 bilion terutamanya bagi pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang. Pembayaran balik pinjaman meningkat sebanyak 11.8% kepada RM229.6 bilion seiring dengan penamatan program bantuan pembayaran balik. Secara keseluruhan, bank telah meningkatkan ketersediaan kredit secara beransur-ansur berbanding semasa krisis sejajar dengan pemulihan dalam pasaran buruh dan prospek ekonomi.

Institusi perbankan terus membantu individu yang terjejas dan peminjam PKS yang menghadapi masalah kewangan. Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) telah diperkenalkan dengan kerjasama industri perbankan dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebagai penyelesaian pengurusan hutang dan perancangan kewangan yang holistik dalam jangka masa panjang. Inisiatif URUS menyasarkan untuk memberi sokongan yang wajar kepada peminjam kumpulan berpendapatan 50% terbawah (B50) yang layak supaya dapat memenuhi obligasi pinjaman dan kembali kepada kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Tempoh permohonan URUS bermula dari 15 November 2021 hingga 31 Mac 2022 dan dilanjutkan sehingga 31 Julai 2022

dengan jumlah kelulusan sebanyak 7,302. Walau bagaimanapun, pelanjutan ini hanya melibatkan pelanggan B50 yang terjejas akibat banjir besar dan telah memohon program bantuan banjir daripada bank yang mengambil bahagian.

Pada akhir Jun 2022, jumlah hutang isi rumah<sup>2</sup> mencatat sebanyak RM1,409 bilion. Pertumbuhan hutang isi rumah pada separuh pertama 2022 terutamanya didorong oleh pelbagai insentif pemilikan rumah yang ditawarkan oleh pihak awam dan swasta serta pengecualian Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) ke atas pembelian kenderaan. Walau bagaimanapun, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK berkurang kepada 84.5% pada akhir Jun 2022 (akhir 2021: 89.1%) berikutan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada separuh pertama 2022. Sebahagian besar agregat hutang isi rumah bertujuan untuk pembelian aset tetap dan pengumpulan kekayaan seperti harta tanah kediaman (59.4%), harta tanah bukan kediaman (5.7%) dan pelaburan dalam sekuriti (5.3%).

Secara keseluruhan, daya tahan kewangan isi rumah terus disokong oleh keupayaan pembayaran hutang yang kukuh dan penampakan kewangan yang mencukupi. Nisbah khidmat hutang (DSR) bagi pinjaman terkumpul kekal berhemat disokong oleh piawaian pengunderaitan hutang yang wajar. Agregat aset kewangan<sup>3</sup> isi rumah berjumlah RM2,901.9 bilion terus mengatasi hutang isi rumah sebanyak 2.1 kali ganda dan mewujudkan penampakan kewangan yang signifikan untuk isi rumah menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar. Kapasiti pembayaran hutang isi rumah yang kukuh dijangka berterusan berikutan pemulihan pasaran buruh, peningkatan pendapatan dan pengukuhan prestasi ekonomi pada 2022.

<sup>2</sup> Disalurkan oleh bank dan institusi kewangan bukan bank seperti syarikat sewaan dan sewa beli.

<sup>3</sup> Aset isi rumah terdiri daripada deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan pemegang ekuiti, polisi insurans/takaful serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

## Prestasi Pasaran Modal

### Aktiviti pengumpulan dana menyederhana

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022, pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal berkembang sebanyak 1.4% kepada RM165.2 bilion. Pertumbuhan yang sederhana ini terutamanya disumbangkan oleh pemerolehan dana kasar dalam sektor awam yang meningkat sebanyak 5.7% kepada RM102.9 bilion. Sebaliknya, pemerolehan dana kasar yang dikumpul oleh sektor swasta menguncup sebanyak 5% kepada RM62.3 bilion dalam tempoh yang sama.

Bagi sektor awam, terbitan MGS dan MGII meningkat sebanyak 9.3% dan 2.1% dalam tujuh bulan pertama 2022. Pemerolehan dana kasar daripada MGS merekodkan RM53 bilion manakala MGII mencatat RM49.9 bilion. Dana tersebut terutamanya digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan komitmen bagi Kumpulan Wang COVID-19 seperti yang termaktub dalam Akta 830. Sementara itu, pemegang bukan pemastautin dalam MGS dan MGII terkumpul berada pada paras 35.5% dan 8.9% pada akhir Julai 2022.

Bagi sektor swasta, pemerolehan dana kasar tertumpu kepada terbitan bon korporat dan sukuk yang terdiri daripada nota jangka pertengahan berjumlah RM59.4 bilion diikuti oleh bon Islam (RM453.1 juta) dan bon biasa (RM222.3 juta). Kebanyakan pemerolehan dana oleh syarikat yang dikumpul tertumpu dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan kewangan (52.9%), diikuti oleh sektor elektrik, gas dan air (15.9%) serta sektor pembuatan (8.5%). Dana tersebut terutamanya digunakan untuk membiayai projek infrastruktur, aktiviti perniagaan baharu dan modal kerja. Sementara itu, pemerolehan dana kasar menerusi pasaran ekuiti tempatan mencatat RM2.3 bilion disumbangkan menerusi Tawaran Awam Permulaan (IPO) yang berkembang sebanyak 27.6%. Sebahagian besar daripada dana IPO dijana daripada sektor produk industri dan perkhidmatan serta

**JADUAL 3.4.** *Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal, Januari – Julai 2021 dan 2022*

	RM JUTA	
	2021	2022
<b>Sektor Awam</b>		
<b>Sekuriti Kerajaan</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	48,482.7	53,010.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	48,895.2	49,912.5
<b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>	<b>97,377.9</b>	<b>102,923.3</b>
Tolak: Penebusan	39,000.0	47,478.8
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam</b>	<b>58,377.9</b>	<b>55,444.5</b>
<b>Sektor Swasta</b>		
<b>Saham<sup>1</sup>/Waran</b>		
Tawaran Awam Permulaan	1,775.9	2,265.7
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
<b>Terbitan baharu saham/waran</b>	<b>1,775.9</b>	<b>2,265.7</b>
<b>Sekuriti hutang<sup>2</sup></b>		
Bon biasa	780.0	222.3
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	1,056.2	453.1
Nota jangka pertengahan	62,012.9	59,382.9
<b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>	<b>63,849.2</b>	<b>60,058.3</b>
Tolak: Penebusan	45,045.7	52,839.3
<b>Terbitan bersih sekuriti hutang</b>	<b>18,803.5</b>	<b>7,219.0</b>
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta</b>	<b>20,579.4</b>	<b>9,484.7</b>
<b>Jumlah pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal</b>	<b>78,957.2</b>	<b>64,929.3</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

<sup>2</sup> Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia



sektor barangan pengguna dan perkhidmatan dalam Pasaran Utama. Sementara itu, IPO syarikat tersenarai baharu kekal menerima sokongan kukuh daripada pelabur tempatan.


**JADUAL 3.5.** *Bon Korporat Baharu mengikut Sektor, Januari - Julai 2021 dan 2022*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,939.2	2,119.6	3.0	3.5
Pembuatan	45.0	5,102.0	0.1	8.5
Pembinaan	5,490.7	4,428.6	8.6	7.4
Elektrik, gas dan air	13,505.4	9,520.3	21.2	15.9
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,400.0	2,100.0	2.2	3.5
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	35,605.0	31,747.3	55.8	52.9
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	5,195.0	4,270.5	8.1	7.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	668.9	270.0	1.0	0.4
Perlombongan dan kuari	0.0	500.0	0.0	0.8
<b>Jumlah</b>	<b>63,849.2</b>	<b>60,058.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin  
 Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
 Sumber: Bank Negara Malaysia


Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022, trend kadar hasil MGS dan bon korporat secara umum adalah lebih tinggi untuk semua tempoh matang. Persekitaran kadar hasil yang tinggi berikutan penyelarasan kadar OPR terkumpul sebanyak 50 mata asas disokong oleh pertumbuhan KDNK yang menggalakkan dan pasaran buruh yang bertambah baik. Di samping itu, kadar hasil tempatan turut dipengaruhi tindak balas pasaran hutang antarabangsa terhadap perkembangan monetari luar khususnya langkah mengetatkan dasar monetari yang agresif oleh bank pusat negara maju bagi mengekang peningkatan tekanan inflasi yang berterusan.

**RAJAH 3.4.** *Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (Akhir tempoh)*



<sup>1</sup> Akhir Julai 2022  
 Sumber: Bank Negara Malaysia


**RAJAH 3.5.** *Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul (Akhir tempoh)*



<sup>1</sup> Akhir Julai 2022  
 Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, kadar hasil bagi bon kerajaan dan korporat meningkat bagi semua tempoh matang dari akhir Disember 2021 hingga akhir Julai 2022. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan meningkat secara berterusan untuk MGS bertempoh matang 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun dalam lingkungan antara 32 hingga 114 mata asas. Sementara itu, kadar hasil bon korporat bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A telah meningkat dalam lingkungan antara 74 hingga 78 mata asas dalam tempoh yang sama. Trend kadar hasil dalam pasaran bon korporat menggambarkan kos modal dan permintaan pulangan yang lebih tinggi berikutan peningkatan kadar faedah.

**RAJAH 3.6.** Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2022  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Volatiliti pasaran kewangan global telah meningkat dengan ketara sejak akhir Disember 2021. Peningkatan ini berikutan kebimbangan pelabur terhadap dasar monetari yang ketat akibat inflasi yang tinggi dan berterusan, momentum pertumbuhan ekonomi global yang

perlahan dan risiko geopolitik yang meruncing menyebabkan pelabur ekuiti khususnya di pasaran yang berkembang pesat lebih berhati-hati. Perkembangan ini menyebabkan FBM KLCI dibuka rendah pada awal 2022 dan didagang di bawah paras 1,550 mata seterusnya ditutup pada 1,512.27 mata pada akhir Januari 2022 (akhir Disember 2021: 1,567.53 mata).

Ketegangan yang memuncak di Eropah Timur dan konflik ketenteraan yang meletus pada 24 Februari 2022 mengakibatkan peningkatan harga minyak dunia berikutan kebimbangan gangguan bekalan serta meningkatkan volatiliti dalam pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, kesan negatif terhadap pasaran kewangan domestik dan keadaan kewangan secara amnya kekal terkawal. Keadaan ini menggambarkan sentimen pelabur yang positif mengambil kira kedudukan Malaysia sebagai pengeksport komoditi bersih. Sentimen positif tersebut turut digambarkan melalui kemasukan aliran bersih asing sebanyak RM2.8 bilion ke pasaran ekuiti tempatan dan prestasi sektor perladangan yang kukuh berikutan harga komoditi yang tinggi. Tambahan pula, sentimen penghindaran risiko dan sekatan ke atas Rusia telah menyebabkan pemindahan aset ke negara pengeluar komoditi termasuk Malaysia. Perkembangan ini menyokong trend peningkatan FBM KLCI untuk melepasi paras psikologi 1,600 seterusnya ditutup pada 1,608.28 mata pada akhir Februari 2022.


Pada bulan Mac, sentimen pasaran kewangan global terjejas berikutan langkah normalisasi dasar monetari Fed bagi mengekang inflasi dengan kenaikan kadar faedah pertama sebanyak 25 mata asas. Di samping itu, konflik yang semakin meruncing di Ukraine telah memburukkan lagi ketidakpastian pasaran saham global dan mendorong pelabur memindahkan dana ke pelaburan selamat berikutan sentimen penghindaran risiko. Oleh itu, FBM KLCI telah mencatat 1,587.36 mata pada akhir Mac 2022.

Peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia pada 1 April 2022 telah merancakkan aktiviti ekonomi dan menambah baik prospek pertumbuhan. Perkembangan ini telah meningkatkan penggunaan swasta meskipun dalam suasana ketidakpastian geopolitik dan dasar monetari global yang lebih ketat. Sehubungan itu, FBM KLCI ditutup tinggi pada 1,600.43 mata menjelang akhir April 2022 disokong oleh prospek ekonomi domestik yang semakin baik.

Aliran modal ke negara yang berkembang pesat termasuk Malaysia dan kesan terhadap prestasi pasaran saham terutamanya dipengaruhi oleh kadar faedah Fed dan dasar monetari ekonomi maju. Kenaikan 50 mata asas oleh Fed pada 4 Mei 2022 menyebabkan pelabur beralih kepada aset berdenominasi dolar AS. Pada akhir Mei 2022, FBM KLCI menyusut kepada 1,570.10 mata sejajar dengan negara serantau walaupun Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK kukuh pada suku pertama 2022. Sentimen pelabur global dalam pasaran ekuiti terus merosot akibat penguncupan ekonomi AS dan kenaikan kadar faedah paling agresif sejak 1994 oleh Fed pada pertengahan Jun. Selaras dengan kemerosotan Wall Street, FBM KLCI telah menjunam kepada 1,444.22 mata pada akhir Jun 2022 iaitu paras terendah dalam tempoh 19 bulan.


Pasaran ekuiti global kembali melonjak pada pertengahan Julai 2022 selaras dengan musim pelaporan pendapatan di AS dan reaksi positif pelabur terhadap laporan pendapatan tersebut. Indeks bursa tempatan meningkat kepada 1,492.23 mata pada akhir Julai 2022 selaras dengan prestasi Wall Street yang lebih baik, kenaikan kadar faedah Fed yang lebih perlahan daripada jangkaan dan sentimen risiko pelabur yang bertambah baik. Pelaporan prestasi KDNK Malaysia yang memberangsangkan sebanyak 8.9% pada suku kedua telah mendorong peningkatan FBM KLCI sehingga 1,506.19

RAJAH 3.7. Prestasi Bursa Malaysia



<sup>1</sup> Julai-Ogos 2022  
<sup>2</sup> Akhir tempoh  
 Sumber: Bursa Malaysia

RAJAH 3.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

mata pada 12 Ogos 2022. Bursa tempatan terus meningkat kepada 1,512.05 mata pada akhir Ogos 2022 disokong oleh prospek pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh serta langkah China untuk menggalakkan pertumbuhan melalui perbelanjaan infrastruktur. Melangkah ke hadapan, pelabur dijangka kekal berwaspada berikutan isyarat daripada Fed untuk terus menaikkan kadar faedah bagi membendung inflasi yang tinggi. Pendirian untuk mengetatkan dasar monetari tersebut mampu menjejaskan prestasi pasaran ekuiti tempatan. Walau bagaimanapun, keadaan ini diimbangi oleh aliran masuk dana asing yang berterusan dalam pasaran ekuiti Malaysia dan disokong oleh inisiatif di bawah Bajet 2023.

Permodalan pasaran merosot sebanyak 6.9% kepada RM1,706.3 bilion pada akhir Ogos 2022. Namun demikian, keseluruhan pasaran kekal teguh dengan merekodkan nilai urus niaga pasaran sebanyak RM363.2 bilion dengan jumlah dagangan saham sebanyak 489.4 bilion unit. Halaju pasaran mencatat 30.7% dan volatiliti pasaran merekodkan 9.6%. Sementara itu, pegangan asing dalam permodalan pasaran bursa tempatan mencatat 20.1% dalam tempoh yang sama. Secara keseluruhan, dalam tempoh Januari – Ogos 2022, pasaran modal domestik kekal kukuh dengan merekodkan aliran masuk bersih asing berjumlah RM8.2 bilion dan pembelian saham oleh pelabur runcit tempatan bernilai RM1.8 bilion. Kemajuan berterusan pasaran ekuiti tempatan akan menyediakan peluang lebih luas sebagai instrumen simpanan dan pelaburan alternatif kepada segmen runcit seterusnya menggalakkan penyertaan awam dalam pasaran ekuiti.

**JADUAL 3.6.** Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir Ogos 2021 dan 2022

	2021	2022
<b>Indeks</b>		
FBM KLCI	1,601.38	1,512.05
FBM EMAS	11,627.87	10,697.65
FBM 100	11,342.91	10,449.43
FBM SCAP	15,945.83	14,380.26
FBM ACE	7,244.90	4,910.44
<b>Jumlah urus niaga<sup>1</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	1,101,881.45	489,373.45
Nilai (RM juta)	660,303.45	363,183.71
<b>Purata urus niaga harian<sup>1</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	6,843.98	3,020.82
Nilai (RM juta)	4,101.26	2,241.87
<b>Permodalan pasaran (RM bilion)</b>	<b>1,832.10</b>	<b>1,706.31</b>
<b>Bilangan syarikat disenaraikan</b>		
Pasaran Utama	762	764
Pasaran ACE	142	156
Pasaran LEAP	41	46
<b>Kecairan pasaran</b>		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	36.0	21.3
<b>Penumpuan pasaran</b>		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	31.2	34.1

<sup>1</sup> Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos  
Sumber: Bursa Malaysia

SISIPAN 3.1

**Inisiatif Utama Pasaran Modal**

Beberapa inisiatif utama pasaran modal telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama 2022 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut adalah seperti berikut:

**Pembenaran Semula Jualan Singkat Intra Hari (IDSS) dan Jualan Singkat Intra Hari oleh Pedagang Harian Proprietari (Jualan Singkat PDT) dengan Mempertingkatkan Langkah Kawalan**

Memastikan aktiviti perdagangan yang stabil dan teratur dengan membenarkan IDSS dan Jualan Singkat PDT berlandaskan 'peraturan at-tick'. Jualan Singkat PDT dibenarkan bagi Sekuriti Diluluskan dalam Pasaran Utama sekiranya PDT mempunyai perjanjian sedia ada untuk meminjam Sekuriti Layak Dagangan Harian.

**Pendaftaran Dua Pengendali Tawaran Awal Bursa (IEO)**

Dua pengendali IEO iaitu Kapital DX dan Pitch Platforms telah didaftarkan untuk menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam ruang aset digital. Pengendali IEO tersebut akan menguruskan platform elektronik sebagai hos tawaran awal bursa yang menawarkan token digital, sekaligus menyediakan kaedah alternatif untuk pengumpulan dana bagi syarikat yang layak menerusi token digital di Malaysia.

**Memorandum Persefahaman (MoU) antara Bursa Malaysia dan Verra, Pengurus Program Pengkreditan Gas Rumah Hijau Terkemuka Dunia**


Membolehkan penubuhan Pasaran Karbon Sukarela (VCM) yang dapat diperluas, menyediakan perkhidmatan kepada pelbagai peserta pasaran dan membenarkan perniagaan mengawal jejak pelepasan karbon menerusi kontrak kredit karbon berkualiti tinggi yang diselenggarakan secara digital dengan telus dan teratur.

**Pelancaran Rangka Kerja Sukuk berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) bagi Memudahkan Cara Peralihan Syarikat kepada Karbon Sifar Bersih**

Menangani isu kemampan seperti perubahan iklim atau agenda sosial dengan ciri berkaitan komitmen prestasi kemampan penerbit sukuk. Rangka kerja ini juga membolehkan syarikat beralih kepada ekonomi rendah karbon atau karbon sifar bersih dan memenuhi peningkatan permintaan global untuk pembiayaan mampan.

**Bursa Malaysia Melancarkan FTSE Bursa Malaysia Top 100 ESG Low Carbon Select Index (FBM100LC) dan FTSE Bursa Malaysia Top 100 ESG Low Carbon Select Shariah Index (FBM100LS)**

Dua indeks baharu bertemakan ESG dalam Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia telah dilancarkan untuk memenuhi permintaan pelabur yang semakin meningkat untuk indeks karbon rendah dan indeks risiko iklim.



**Pelancaran Program Transformasi Syarikat Senaraian Awam (PLC) oleh Bursa Malaysia**

Memberi panduan kepada PLC untuk menambah baik amalan, prestasi dan nilai syarikat melalui perkongsian maklumat (buku panduan digital) serta meningkatkan libat urus dan ketelusan.

**Pelancaran Skim Insentif Penyelidikan Bursa (Bursa RISE)**

Menyokong dan melengkapkan program transformasi PLC dengan meningkatkan halaju dagangan dan profil korporat PLC yang mengambil bahagian melalui liputan penyelidikan dan aktiviti pemasaran.

**Penyempurnaan Serahan Fizikal Pertama Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur (FPO) di Sarawak oleh Bursa Malaysia Derivatives Berhad**

Menyediakan instrumen yang berkesan melalui FPO untuk pemain fizikal dan peserta pasaran minyak sawit Malaysia Timur bagi menguruskan risiko harga terutamanya dalam persekitaran volatiliti yang tinggi.

**Bursa Malaysia Derivatives Berhad Memeterai MoU Perkongsian Strategik dengan Shanghai Futures Exchange dan Shanghai International Energy Exchange**

Meningkatkan perkongsian maklumat dan amalan terbaik berkaitan pembangunan produk dan operasi pasaran dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama. Perkongsian tersebut secara tidak langsung menyokong dan menyumbang kepada perdagangan ekonomi China-Malaysia yang akan melengkap tawaran produk sedia ada dan memenuhi keperluan pelanggan yang semakin sofistikated.

## Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

*Perbankan Islam dan pasaran modal kekal dinamik dalam menyokong pertumbuhan ekonomi*

Industri perbankan Islam kekal berdaya tahan dan dinamik disokong oleh inovasi berterusan produk patuh Syariah. Pada akhir Julai 2022, jumlah aset perbankan Islam meningkat sebanyak 5.7% kepada RM1,196.7 bilion<sup>4</sup> yang merangkumi 35.7% daripada keseluruhan aset perbankan. Sementara itu, jumlah pembiayaan Islam berkembang sebanyak 12% kepada RM774.1 bilion. Pertumbuhan tersebut terutamanya disokong oleh peningkatan pembiayaan sektor isi rumah sebanyak 11.8% kepada RM491.3 bilion pada akhir Julai 2022 dan menyumbang 63.5% kepada jumlah pembiayaan Islam. Pembiayaan ini terutamanya untuk pembelian harta tanah kediaman (51.9%) dan pembelian kenderaan pengangkutan khususnya kereta penumpang (19.8%).

Kadar Semalaman Islam Malaysia (MYOR-i) diperkenalkan pada 25 Mac 2022 merupakan kadar penanda aras patuh Syariah sepenuhnya yang dijangka dapat menggalakkan pembangunan produk kewangan patuh Syariah yang lebih inovatif. Pelaksanaan MYOR-i akan meningkatkan ketelusan dengan membolehkan peserta pasaran berunding dan menyeragamkan kontrak kewangan seterusnya mencapai harga yang efisien merentasi semua instrumen kewangan. Di samping itu, MYOR-i akan membantu memperdalam pasaran kewangan Islam tempatan dan mempertingkatkan peranan pembiayaan patuh Syariah dalam aktiviti ekonomi domestik.

Pasaran Modal Islam (ICM) di Malaysia berfungsi sebagai platform penting dan menarik bagi Kerajaan dan entiti korporat menjalankan aktiviti pemerolehan dana demi memenuhi pelbagai keperluan pembangunan

**JADUAL 3.7.** Perbankan Islam: Penunjuk Utama<sup>1</sup>, Akhir Julai 2021 dan 2022

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2021	2022 <sup>2</sup>	2021	2022
<b>Aset</b>	<b>935.7</b>	<b>995.1</b>	<b>8.9</b>	<b>6.3</b>
<b>Pembiayaan</b>	<b>691.1</b>	<b>774.1</b>	<b>6.3</b>	<b>12.0</b>
Pertanian primer	16.6	16.2	-10.4	-2.6
Perlombongan dan kuari	4.7	3.0	9.7	-35.3
Pembuatan <sup>3</sup>	34.4	36.0	13.7	4.6
Bekalan elektrik, gas dan air	6.1	11.8	11.9	94.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	36.2	42.7	13.0	18.2
Pembinaan	32.2	43.3	-8.7	34.3
Harta tanah	31.3	31.8	-0.7	1.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	18.3	22.7	-8.8	24.3
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	38.2	46.4	13.0	21.5
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	27.8	16.3	-17.6	-41.4
Isi rumah	439.6	491.3	10.0	11.8
Lain-lain	5.7	12.4	-0.7	118.4
<b>Liabiliti</b>	<b>868.6</b>	<b>923.8</b>	<b>9.4</b>	<b>6.4</b>
<b>Deposit dan Akaun Pelaburan</b>	<b>799.3</b>	<b>869.3</b>	<b>9.5</b>	<b>8.8</b>
Akaun pelaburan	113.5	133.5	16.9	17.6
Pelaburan	0.4	0.3	-22.2	-22.1
Tabungan	71.2	75.1	22.4	5.5
Permintaan	116.0	134.9	16.3	16.3
Lain-lain	498.2	525.5	5.0	5.5

<sup>1</sup> Tidak termasuk DFI

<sup>2</sup> Jadual statistik berkaitan pinjaman/pembiayaan telah disemak dan diperluas dengan format baharu mulai Julai 2022

<sup>3</sup> Termasuk asas tani

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

ekonomi, perniagaan dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, saiz ICM berkurang secara marginal sebanyak 1.2% pada akhir Julai 2022 disebabkan oleh kemerosotan jumlah

<sup>4</sup> Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).


permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah. Saiz ICM bernilai RM2,226.6 bilion merangkumi 63.4% daripada jumlah keseluruhan pasaran modal Malaysia.

Bursa Malaysia sebagai antara bursa terkemuka dalam pasaran yang berkembang pesat menawarkan pelbagai rangkaian produk sekuriti patuh Syariah. Pada akhir Julai 2022, sejumlah 754 Syarikat Senaraian Awam mematuhi prinsip Syariah. Sekuriti patuh Syariah bernilai RM1,080.9 bilion merangkumi 63.8% daripada keseluruhan permodalan pasaran syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022, Malaysia telah menerbitkan sukuk berjumlah RM151.9 bilion atau 65.9% daripada jumlah terbitan bon dan sukuk. Jumlah terbitan sukuk korporat pula mencecah RM46.9 bilion dalam tempoh yang sama mewakili 76.3% daripada keseluruhan bon korporat dan sukuk yang

diterbitkan di Malaysia. Pada akhir Jun 2022, Malaysia terus merekodkan bahagian sukuk global terkumpul paling besar sebanyak 41.6% walaupun berlaku penyederhanaan dalam keseluruhan prestasi ICM domestik.

Malaysia juga meneruskan penerbitan sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) bagi memenuhi keperluan pembiayaan projek patuh Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah melancarkan Rangka Kerja Sukuk berkaitan SRI pada 30 Jun 2022 seiring dengan kepentingan SDG. Rangka kerja ini membolehkan pihak korporat terlibat dalam aktiviti pemerolehan dana untuk menangani isu berkaitan kemampanan seperti perubahan iklim atau agenda sosial. Sukuk berkaitan SRI juga akan menggalakkan dan memudahkan peralihan sektor korporat kepada aktiviti ekonomi rendah karbon.

**RAJAH 3.9.** Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Kesimpulan

---

Dasar monetari dijangka kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan dalam persekitaran tekanan inflasi yang sederhana. Pendirian dasar monetari akan berpandukan penilaian MPC terhadap persekitaran yang berubah dan implikasinya kepada prospek keseluruhan ke atas inflasi dan pertumbuhan ekonomi domestik. Institusi kewangan dijangka kekal teguh disokong oleh pengurusan berhemat, mudah tunai mencukupi dan penampakan modal yang kukuh. Sementara itu, pasaran modal dijangka kekal berdaya tahan dipacu oleh asas makroekonomi yang teguh, kecairan domestik yang mencukupi dan infrastruktur pasaran modal yang komprehensif.

Prestasi pasaran kewangan keseluruhan yang lebih baik pada 2022 antaranya akan disokong oleh peralihan kepada fasa endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa, momentum pertumbuhan domestik yang

kukuh dan projek strategik yang sedang dilaksanakan. Namun demikian, perkembangan pasaran kewangan berhadapan dengan cabaran prospek pertumbuhan global yang menyederhana, langkah mengetatkan dasar monetari yang agresif oleh Fed, peningkatan volatiliti dalam keadaan kewangan global, konflik berpanjangan di Ukraine dan langkah tegas oleh China bagi membendung penularan COVID-19. Dalam menghadapi cabaran ini, pelaksanaan Pelan Induk Pasaran Modal Ketiga (2021 – 2025) dan Pelan Sektor Kewangan (2022 – 2026) akan menggalakkan kepelbagaian dan meningkatkan suasana dinamik dalam pasaran kewangan seiring dengan landskap ekonomi dan kewangan yang berkembang seterusnya memastikan pasaran kekal berdaya tahan. Justeru, daya tahan pasaran modal Malaysia akan meningkat di samping memastikan kestabilan dan integriti kewangan terus terpelihara.



## Rujukan

---

- Bank Negara Malaysia. (2022a). *Laporan tahunan 2021*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021\\_bm\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021_bm_book.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2022b). *Pelan sektor kewangan 2022-2026*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/5915429/fsb3\\_bm\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/5915429/fsb3_bm_book.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2022c). *Perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia pada suku kedua 2022*. [https://www.bnm.gov.my/-/qb22q2\\_bm\\_pr](https://www.bnm.gov.my/-/qb22q2_bm_pr)
- Bank Negara Malaysia. (2022d). *Perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia pada suku pertama 2022*. [https://www.bnm.gov.my/-/qb22q1\\_bm\\_pr](https://www.bnm.gov.my/-/qb22q1_bm_pr)
- Bank Negara Malaysia. (2022e). *Sorotan dan perangkaan bulanan Julai 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-julai-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022f). *Sorotan dan perangkaan bulanan Jun 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-jun-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022g). *Sorotan dan perangkaan bulanan Mei 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-mei-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022h). *Sorotan dan perangkaan bulanan April 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-april-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022i). *Sorotan dan perangkaan bulanan Mac 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-mac-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022j). *Sorotan dan perangkaan bulanan Februari 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-februari-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022k). *Sorotan dan perangkaan bulanan Januari 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-dan-perangkaan-bulanan-januari-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2022l). *Tinjauan ekonomi & monetari 2021*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458996/emr2021\\_bm\\_ch1.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458996/emr2021_bm_ch1.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2022m). *Tinjauan kestabilan kewangan separuh kedua 2021*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6459002/fsr21h2\\_bm\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6459002/fsr21h2_bm_book.pdf)
- Bursa Malaysia. (2022a, Ogos 15). *Bursa Malaysia to launch voluntary carbon market exchange by year-end*. [https://bit.ly/Bursa\\_Carbon\\_Market\\_Exchange](https://bit.ly/Bursa_Carbon_Market_Exchange)
- Bursa Malaysia. (2022b, Julai 17). *Bursa Malaysia Derivatives inks strategic partnership MoU with Shanghai Futures Exchange and Shanghai International Energy Exchange*. [https://bit.ly/Bursa\\_Malaysia\\_Shanghai\\_Intl\\_Energy\\_Exchange](https://bit.ly/Bursa_Malaysia_Shanghai_Intl_Energy_Exchange)
- Bursa Malaysia. (2022c, Jun 14). *Bursa Malaysia Derivatives completes first physical delivery of East Malaysia crude palm oil futures in Sarawak*. [https://bit.ly/Bursa\\_Malaysia\\_Derivatives\\_CPO](https://bit.ly/Bursa_Malaysia_Derivatives_CPO)
- Bursa Malaysia. (2022d, Mei 30). *Bursa Malaysia commits to further strengthening the voluntary carbon market ecosystem*. [https://bit.ly/Bursa\\_Malaysia\\_Carbon\\_Market\\_Ecosystem](https://bit.ly/Bursa_Malaysia_Carbon_Market_Ecosystem)

Bursa Malaysia. (2022e, Mac 28). *Bursa Malaysia launches Bursa Research Incentive Scheme*. [https://bit.ly/Bursa\\_Research\\_Incentive\\_Scheme](https://bit.ly/Bursa_Research_Incentive_Scheme)

Bursa Malaysia. (2022f, Mac 2). *Bursa Malaysia launches PLC transformation programme*. [https://www.bursamalaysia.com/bm/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-launches-plc-transformation-programme](https://www.bursamalaysia.com/bm/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-launches-plc-transformation-programme)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2022a, Jun 30). *SC releases new sukuk framework to facilitate companies' transition to net zero*. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-releases-new-sukuk-framework-to-facilitate-companies-transition-to-net-zero>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2022b, Mac 23). *SC registers two initial exchange offering (IEO) operators*. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-registers-two-initial-exchange-offering-ieo-operators>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021, Disember 17). *SC and Bursa Malaysia to lift IDSS and PDT short sale suspension on 1 January 2022*. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-and-bursa-malaysia-to-lift-idss-and-pdt-short-sale-suspension-on-1-january-2022>